

21 APR 1999

DR MAHATHIR BENTANG KAJIAN SEPARUH PENGGAL RM-7 ESOK

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) 1996-2000 di Parlimen esok.

Ini dinyatakan oleh seorang pegawai tinggi Unit Perancang Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri pada sesi taklimat khas kepada media mengenai hasil kajian itu di sini hari ini.

Kajian yang disediakan unit berkenaan dikeluarkan dalam bentuk dokumen setebal 413 mukasurat dalam versi Bahasa Malaysia dan 392 mukasurat dalam Bahasa Inggeris.

RM-7 memulakan fasa baru pembangunan negara dengan matlamat untuk mengubah dan memperbaharui struktur ekonomi daripada yang didorong oleh input kepada yang berteraskan produktiviti dan kualiti.

Dr Mahathir juga dijangka menggariskan usaha seterusnya untuk memantapkan kedudukan ekonomi negara selaras dengan beberapa sasaran RM-7 yang telah dikaji semula berikutan kesan krisis ekonomi serantau bermula Julai 1997.

-- BERNAMA
MAM AHH RON